



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**  
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia  
Wisma Tani, Blok Podium 4g1, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62630 Putrajaya  
Malaysia  
Tel: +603 – 8870 2201 Fax: +603-8888 6051  
Email: [kp@dvs.gov.my](mailto:kp@dvs.gov.my) / [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)



## KENYATAAN MEDIA

### **PENARIKAN BALIK (RECALL) TELUR DARI LADANG AYAM PENELUR LAY HONG JERAM, SELANGOR DARI PASARAN DI SINGAPURA**

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia ingin memaklumkan isu berkaitan “Singapore recalls eggs from Lay Hong Layer Farm Jeram” susulan pengesanan kehadiran bakteria *Salmonella enteritidis* (SE) pada konsainan telur eksport daripada ladang CES 008.
2. Terdapat lebih daripada 2000 spesies *Salmonella*. *Salmonella enteritidis* (SE) yang dikesan pada telur boleh menyebabkan penyakit keracunan makanan jika produk tersebut dimakan mentah atau separa masak. Bagaimanapun, SE boleh dimusnahkan dengan cara memasak dengan sempurna.
3. Gejala pada manusia akibat jangkitan SE antaranya sakit perut, cirit-birit, loya, muntah dan demam.
4. DVS telah membuat sesi *engagement* bersama pihak pengurusan syarikat Lay Hong Berhad pada 14 Mac 2021.
  - i. Terdapat 10 ladang ayam yang terdiri daripada 2 ladang *pullet* dan 8 ladang ayam penelur milik syarikat Lay Hong Berhad. Hanya satu ladang iaitu CES 008 yang mengeksport telur ke Singapura.
  - ii. Pihak syarikat memaklumkan bahawa 100% telur keluaran daripada ladang CES 008 adalah untuk pasaran eksport ke Singapura.
  - iii. Pihak syarikat bersetuju untuk melaksanakan tindakan pembetulan dan pemantauan lebih kerap dan meningkatkan kawalan biosekuriti.
5. Tindakan susulan oleh DVS Malaysia:
  - 5.1 Menjalankan lawatsiasat ke ladang CES 008 Lay Hong di Jeram, Selangor untuk mengenalpasti punca pencemaran SE pada telur.
    - i. Membuat dayajejak sumber jangkitan SE
    - ii. Menjalankan penyiasatan penyakit
    - iii. Menyemak rekod pemvaksinan, pengeluaran telur dan rekod program surveilans penyakit di ladang.
    - iv. Menjalankan pensampelan (sampel persekitaran, kloaka, makanan ternakan, air minuman dan telur) untuk pengesanan SE.

- 5.2 Telur keluaran ladang CES 008 tidak dibenarkan dijual di pasaran tempatan sebagai telur sajian (*table egg*) sehingga keputusan siasatan diperolehi. Telur daripada ladang ini hanya untuk penghasilan produk telur yang melalui rawatan haba (*heat treatment*) di kilang pemprosesan syarikat yang terletak di Kapar dan Meru, Selangor.
- 5.3 DVS juga menjalankan lawat siasat dan pensampelan untuk pengujian SE ke atas semua ladang kepunyaan syarikat Lay Hong Berhad bagi memastikan telur keluaran ladang syarikat adalah bebas SE.
- 5.4 DVS tidak membenarkan kemasukan semula telur *recall* CES 008 ke Malaysia.
6. Penggantungan CES 008 ke Singapura tidak menjejaskan pengeksporan lain-lain ladang ke Singapura dan bekalan untuk pasaran tempatan.
7. DVS ingin memaklumkan bahawa melalui Program Survelan Penyakit Haiwan Kebangsaan, Salmonellosis merupakan salah satu penyakit yang dipantau di semua ladang ayam di Malaysia.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Putrajaya  
14 Mac 2021